

**Tarikh Berkuatkuasa 1 Januari 2024**

**HSBC BANK MALAYSIA BERHAD/ HSBC AMANAH MALAYSIA BERHAD ("Bank /Kami")**

Bank memandang serius data peribadi dan privasi anda. Kami hanya akan mengumpul, memproses dan mendedahkan maklumat peribadi anda berdasarkan kepada undang-undang Malaysia (termasuk Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 dan mana-mana peraturan dan perundangan perlindungan data lain yang berkait). Notis Privasi ini bertujuan memaklumkan kepada anda jenis-jenis data yang kami kumpul, cara-cara yang digunakan untuk mengumpul atau memperoleh data, kepada siapa data peribadi anda boleh didedahkan, termasuk tujuan kami memproses data peribadi anda. Hak-hak anda keatas data peribadi juga disebutkan di dalam Notis Privasi ini.

Bagi menyangkal sebarang prasangka, Notis Privasi ini terpakai kepada:

- (a) Pelanggan individu Bank;
  - (b) Mana-mana individu lain yang bukan pelanggan Bank tetapi yang mana data diperlukan untuk dikumpulkan oleh Bank atas sebab, atau sampingan kepada penyediaan apa-apa akaun perbankan, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau kemudahan-kemudahan oleh Bank kepada pelanggannya, sama ada pelanggan tersebut merupakan individu yang lain atau sebuah syarikat, entiti perniagaan atau organisasi.
1. Pihak Bank mengumpul data peribadi dan maklumat ("**data**") daripada anda dari masa ke semasa bagi Tujuan-Tujuan yang diberikan (*seperti definisi yang diberikan di perenggan 5 dibawah*). Kami ingin juga memaklumkan bahawa:
    - (a) Bank juga boleh mengesahkan atau mencari sumber maklumat peribadi mengenai anda daripada sumber pihak ketiga (awam dan swasta) seperti majikan anda, agensi pelapor kredit, Suruhanjaya Syarikat dan Jabatan Insolvensi.
    - (b) Lawatan anda ke laman web kami mungkin akan direkod untuk analisa bilangan pelawat ke laman tersebut dan corak penggunaan umum. Sebahagian daripada maklumat ini akan dikumpul melalui penggunaan "cookies".
  2. Data tersebut (merangkumi data sensitif) termasuklah maklumat berkenaan dengan butir-butir peribadi anda (seperti nama, umur, jantina, nombor kad pengenalan, nombor pasport, tarikh lahir, pendidikan, bangsa, keturunan, warganegara, kerakyatan), butir-butir hubungan (seperti alamat, e-mel, nombor telefon) maklumat keluarga (seperti status perkahwinan, nama suami isteri atau anak atau keluarga terdekat), butir-butir pekerjaan (seperti nama majikan, lingkungan pendapatan, jawatan, tanggungjawab kerja, maklumat hubungan dan alamat majikan) dan maklumat-maklumat lain seperti rujukan kewangan (berkenaan kemudahan – kemudahan perbankan lain yang digunakan oleh anda). Sebagai tambahan, Bank boleh dari semasa ke semasa meminta maklumat peribadi tertentu yang lain yang mungkin berkaitan bagi Bank mempertimbangkan permintaan anda untuk mana-mana produk atau kemudahan perbankan oleh Bank.
  3. Kegagalan untuk membekalkan data-data tersebut boleh menyebabkan Bank tidak boleh membuka, menubuhkan, meneruskan atau menyediakan akaun-akaun perbankan, perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan-kemudahan atau mematuhi dengan mana-mana undang-undang atau garis panduan yang dikeluarkan oleh pengatur atau pihak-pihak berkuasa lain.
  4. Ianya juga menjadi kes bahawa data yang dikumpulkan daripada (i) pelanggan dan mana-mana sumber dalam keadaan biasa bagi meneruskan hubungan perbankan, sebagai contoh, apabila pelanggan menulis cek-cek, wang deposit atau memohon untuk kredit, (ii) seseorang yang bertindak bagi pihak individu yang mana data disediakan, dan (iii) sumber-sumber lain (sebagai contoh, maklumat yang diperolehi daripada mana-mana biro atau yang ditubuhkan atau akan ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana anak syarikatnya, atau oleh mana-mana pihak berkuasa lain, Persatuan Bank-bank di Malaysia (ABM) atau Persatuan Institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) yang mana berkenaan, mana-mana agensi pelapor kredit berdaftar atau agensi kutipan hutang yang boleh dilantik oleh Bank, dan dengan mana-mana pihak berkuasa, tempat simpanan pusat, mana-mana jabatan insolvensi atau agen tempat simpanan berkaitan dengan industri sekuriti). Data boleh juga dihasilkan atau digabungkan dengan maklumat lain yang sedia ada kepada Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC ("**Kumpulan HSBC**" bermaksud HSBC Holdings plc, syarikat sekutunya, anak-anak syarikatnya, entiti-entiti berkaitan dan mana-mana cawangan dan pejabatnya (bersama-sama atau perseorangan) dan "**ahli Kumpulan HSBC**" mempunyai pengertian yang sama.
  5. Tujuan-tujuan data yang boleh digunakan, diproses, dikumpul dan dikongsi oleh Bank dan/atau ahli-ahli Kumpulan HSBC adalah seperti berikut: ("**Tujuan-tujuan**")-
    - (a) penilaian kesesuaian untuk produk dan perkhidmatan dan memproses permohonan untuk akaun-akaun perbankan dan/atau perkhidmatan-perkhidmatan yang disediakan kepada pelanggan kami;
    - (b) menyediakan apa-apa akaun, produk dan/atau perkhidmatan (termasuk perkhidmatan perbankan elektronik) dan untuk meluluskan, menguruskan, mentadbir atau melaksanakan apa-apa transaksi yang diminta atau dibenarkan oleh pelanggan;
    - (c) Memperolehi atau menyediakan rujukan kredit dan membuat pemeriksaan kredit (termasuklah tetapi tidak terhad kepada pemeriksaan semasa permohonan untuk kredit dan semasa kajian semula berkala atau khusus untuk kajian kredit yang biasanya akan berlaku sekali atau beberapa kali setiap tahun) untuk mendapatkan atau menyediakan maklumat kredit;

- (d) Mewujudkan dan mengekalkan credit Bank dan model-model berkaitan risiko dan/atauapa-apa tujuan berkaitan dengan fungsi-fungsi pengurusan risiko;
- (e) Membantu institusi-institusi kewangan lain untuk membuat pemeriksaan kredit dan memungut hutang-hutang, pertikaian atau siasatan penipuan;
- (f) Mengemaskini dan penjagaan rekod-rekod pelanggan kami;
- (g) Memastikan pelanggan kami mempunyai kepercayaan kredit yang berterusan;
- (h) Merekabentuk perkhidmatan kewangan atau produk berkaitan untuk kegunaan pelanggan (termasuk penyelidikan pasaran dan analisis statistic dan tinjauan bertujuan untuk memperbaiki produk dan perkhidmatan kami;
- (i) bersyarat persetujuan anda belum ditarik balik, memasarkan perkhidmatan atau produk-produk Bank dan Kumpulan HSBC dan/atau syarikat-syarikat terpilih (berkenaan di mana Bank boleh atau tidak boleh diupah) termasuklah tetapi tidak terhad kepada:
  - i. Kewangan, insurans, kad kredit, perbankan, pengurusan kekayaan dan perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk berkaitan;
  - ii. Ganjaran, ketaatan atau program-program hak keistimewaan dan perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk berkaitan;
  - iii. Perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk yang ditawarkan oleh rakan kongsi jenama bersama Bank (nama-nama rakan kongsi jenama bersama akan diberikan semasa permohonan untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk berkaitan, mengikut mana-mana yang berkenaan);
- (j) meningkatkan dan melanjutkan penyediaan akaun, produk dan/atau perkhidmatan oleh Bank dan mana-mana ahli Kumpulan HSBC kepada pelanggan kami secara amnya; dan
- (k) Menentukan jumlah keberhutangan yang dihutang kepada atau oleh pelanggan kami;
- (l) Memungut jumlah-jumlah yang terhutang daripada pelanggan kami dan mereka yang memberikan sekuriti untuk obligasi pelanggan kami.
- (m) Bagi 'pencegahan dan siasatan penipuan atau jenayah, pertikaian transaksi, analisis data, audit atau kutipan hutang dan bagi membolehkan perkhidmatan-perkhidmatan boleh diproses oleh Bank;
- (n) Bagi menjalankan Aktiviti Pengurusan Risiko Jenayah Kewangan (untuk pelanggan perbankan peribadi, seperti yang didefinisikan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Universal yang boleh didapati di <https://www.hsbc.com.my/terms-and-conditions/>, untuk pelanggan korporat, seperti yang didefinisikan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Perbankan yang boleh didapati di <https://www.business.hsbc.com.my/en-gb/regulations/banking-terms-and-conditions>) siasatan, laporan, pencegahan atau selainya berkenaan pelanggaran kerahsiaan perbankan/maklumat sulit, frod, perubahan wang haram, pembiayaan keganasan dan kegiatan-kegiatan jenayah secara amnya;
- (o) memenuhi kewajipan, keperluan atau pengaturan, sama ada secara wajib atau sukarela, untuk Bank atau mana-mana cawangannya dan mana-mana ahli dalam Kumpulan HSBC untuk mematuhi dengannya, atau berkaitan dengan:
  - i. mana-mana undang-undang, peraturan, penghakiman, perintah mahkamah, kod sukarela, rejim sekatan, di dalam atau di luar Malaysia yang sedia ada pada masa kini dan pada masa akan datang ("**Undang-Undang**");
  - ii. apa-apa garis panduan, panduan atau permintaan diberikan atau dikeluarkan oleh mana-mana badan perundangan, peraturan, kerajaan, cukai, penguatkuasaan undang-undang atau pihak berkuasa lain, atau badan-badan kawal selia sendiri atau industri atau persatuan-persatuan pembekal perkhidmatan kewangan di dalam atau di luar Malaysia yang sedia ada pada masa kini dan pada masa akan datang dan apa-apa panduan antarabangsa, dasar atau prosedur dalaman;
  - iii. apa-apa kontrak masa kini atau masa akan datang atau komitmen lain dengan undang-undang tempatan atau asing, peraturan, kehakiman, pentadbiran, awam atau badan penguatkuasaan undang-undang, atau pihak berkuasa kerajaan, cukai, hasil, kewangan, sekuriti atau pertukaran hadapan, mahkamah, bank pusat atau pihak-pihak berkuasa lain, atau badan-badan kawal selia sendiri atau industri atau persatuan-persatuan pembekal perkhidmatan kewangan atau mana-mana ejen mereka yang mempunyai bidang kuasa ke atas semua atau mana-mana bahagian Kumpulan HSBC (bersama-sama "**Pihak-Pihak Berkuasa**" dan setiap satu "**Pihak Berkuasa**") yang diambil alih oleh, dikenakan ke atas atau terpakai kepada Bank atau mana-mana cawangannya atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC; atau
  - iv. mana-mana perjanjian atau ketaatsetiaan antara Pihak Berkuasa;
- (p) mematuhi apa-apa kewajipan, keperluan, dasar, prosedur, langkah-langkah atau perkiraan bagi perkongsian data dan maklumat di dalam Kumpulan HSBC dan/atau mana-mana kegunaan lain data dan maklumat mengikut apa-apa program untuk mematuhi dengan sekatan atau pencegahan atau pengesanan perubahan wang haram, pembiayaan keganasan atau lain-lain aktiviti yang menyalahi undang-undang;
- (q) menjalankan apa-apa tindakan bagi memenuhi tanggungjawab Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC untuk mematuhi Undang-Undang atau panduan antarabangsa atau permintaan-permintaan peraturan yang berhubungan dengan atau berkaitan dengan pengesanan, penyiasatan dan pencegahan perubahan wang haram, pembiayaan keganasan, sogokan, rasuah, pengelakan cukai, penipuan, pengelakan sekatan ekonomi atau perdagangan dan / atau apa-apa tindakan atau percubaan untuk memintas atau melanggar mana-mana Undang-Undang yang berkaitan dengan perkara ini;
- (r) memenuhi mana-mana obligasi Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC untuk mematuhi apa-apa permintaan atau permohonan dari Pihak Berkuasa;

- (s) membolehkan pemegang serahhak sebenar atau yang dicadangkan Bank, atau peserta atau sub-peserta berkenaan hak Bank atas pelanggan untuk menilai transaksi yang bertujuan menjadi subjek kepada serahan hak, penyertaan atau sub-penyertaan;
  - (t) bagi apa-apa tujuan yang dikehendaki oleh undang-undang dan peraturan;
  - (u) bagi tujuan menguatkuasakan hak-hak perundangan dan/atau mendapatkan nasihat undang-undang sama ada melalui prosiding kehakiman atau apa-apa bentuk prosiding yang diiktiraf dalam undang-undang) yang dimulakan oleh atau disampaikan ke atas Bank, (sama ada atau tidak Bank adalah satu pihak);
  - (v) untuk membuat pertanyaan atau siasatan sama ada atau tidak data pelanggan atau seseorang yang dipungut, diguna dan/atau diproses oleh Bank itu adalah sebenarnya orang yang dibenarkan, atau sebaliknya walaupun jua pertalian, atau kaitan dengan, orang atau entiti yang dibenarkan; dan juga bagi melapor atau mengambil apa-apa remedi atau tindakan pencegahan berkenaan dengannya
  - (w) bagi semua tujuan sampingan berkaitan penyediaan kemudahan-kemudahan termasuk penyediaan komputer, telekomunikasi dan perkhidmatan-perkhidmatan berteknologi;
  - (x) untuk perancangan perniagaan dan membuat keputusan atau keperluan operasi dalaman Bank atau Kumpulan HSBC (termasuk, tanpa had kepada, analisis dan pengurusan kewangan, kredit dan risiko, sistem atau produk pembangunan dan perancangan, insurans / takaful, laporan, audit dan tujuan pentadbiran);
  - (y) mengekalkan sepenuhnya hubungan Bank dan Kumpulan HSBC dengan Pelanggan (termasuklah, sekiranya Pelanggan tidak membantah, pemasaran atau mempromosikan perkhidmatan kewangan atau produk-produk berkaitan dan penyelidikan pasaran, insurans/takaful, audit dan tujuan pentadbiran); dan/atau
  - (z) tujuan-tujuan yang berkenaan dengannya.
6. Data yang dikumpul dan dipegang oleh Bank atau ahli Kumpulan HSBC berkaitan dengan seseorang individu akan dirahsiakan atau disimpan secara sulit tetapi Bank atau ahli Kumpulan HSBC boleh, jika perlu memberikan atau mendedahkan maklumat-maklumat tertentu kepada pihak-pihak berikut (sama ada di dalam atau di luar Malaysia, termasuklah dalam bidangkuasa yang tidak mempunyai undang-undang perlindungan data pada tahap perlindungan yang setaraf seperti di Malaysia.) bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 5 (yang boleh juga kemudiannya akan memproses, memindah atau mendedahkan data sedemikian untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 5) tertakluk pada setiap masa kepada mana-mana undang-undang (termasuk peraturan-peraturan, tatacara, kod tata amalan industri, obligasi dan/atau arahan dari mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia) yang terpakai kepada Bank:-
- (a) mana-mana Ahli Kumpulan HSBC (termasuk mana-mana perkerja, pegawai, ejen atau pengarah;
  - (b) mana-mana ejen, kontraktor, sub-kontraktor, pembekal perkhidmatan, peguam, pelelong, penilai atau syarikat bersekutu Kumpulan HSBC (termasuk pekerja, pengarah, pegawai, pelatih, ejen, kontraktor, pembekal perkhidmatan dan penasihat professional mereka);
  - (c) pakatan perniagaan atau rakan niaga yang menyediakan produk atau perkhidmatan kepada kami dan/atau anda dan mana-mana pembekal perkhidmatan pihak ketiga yang membekalkan, tadbir, telekomunikasi, komputer, penyimpanan, pembayaran atau penyelesaian sekuriti atau perkhidmatan-perkhidmatan lain kepada Bank berhubung dengan operasi perniagaannya (termasuk pekerja, pengarah dan pegawai mereka);
  - (d) mana-mana Pihak Berkuasa;
  - (e) mana-mana orang lain yang mempunyai kewajiban untuk merahsiakan kepada Bank termasuklah mana-mana Ahli Kumpulan HSBC yang telah mengakujaji untuk merahsiakan maklumat tersebut atau mana-mana pihak yang perlu didalam pertikaian atau siastan penipuan untuk tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 6(m), termasuk penyedia rangkaian pembayaran kad;
  - (f) bank pembayar menyediakan sesalinan cek berbayar (yang mungkin mengandungi maklumat berkenaan penerima) kepada pembayar;
  - (g) mana-mana orang yang bertindak bagi pihak seseorang individu yang mana data telah disediakan, penerima pembayaran, waris, penama akaun, perantara, wartawan dan ejen bank, rumah penjelasan, sistem penjelasan atau penyelesaian, rakan niaga pasaran, ejen pegangan hulu, swap atau perdagangan repositori, bursa saham, pusat depository sekuriti atau ejen depository, syarikat-syarikat di mana pelanggan mempunyai kepentingan dalam sekuriti (di mana sekuriti tersebut dipegang oleh Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC) atau seseorang yang membuat apa-apa bayaran ke dalam akaun pelanggan;
  - (h) mana-mana orang yang mana Bank atau mana-mana cawangannya atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC yang berkewajipan atau dikehendaki atau dijangka untuk membuat pendedahan bagi maksud mana-mana garis panduan yang ditetapkan, atau berkaitan dengan perenggan 5 (o), (p), (q), (r) & (s);
  - (i) mana-mana pemegang serah hak sebenar atau yang dicadangkan Bank atau peserta atau sub-peserta atau penerima pindahan hak-hak Bank berkenaan pelanggan;
  - (j) mana-mana pihak keatas sesuatu transaksi yang memperoleh kepentingan, atau menjangkan risiko atau berkaitan dengan, akaun, produk dan/atau perkhidmatan yang disediakan oleh Bank;
  - (k) mana-mana pengurus dana pihak ketiga yang menyediakan perkhidmatan pengurusan asset kepada pelanggan;
  - (l) institusi-institusi kewangan pihak ketiga, penanggung-penanggung insurans/ pengendali takaful, syarikat-syarikat kad kredit, pembekal-pembekal perkhidmatan sekuriti dan pelaburan, penjana prospek atau pengagregat;
  - (m) ganjaran pihak ketiga, kesetiaan, penjenamaan bersama dan hak istimewa penyedia program;

- (n) rakan kongsi penjenamaan bersama Bank atau mana-mana ahli Kumpulan HSBC (nama-nama rakan kongsi jenama bersama akan diberikan semasa permohonan untuk perkhidmatan-perkhidmatan dan produk-produk berkaitan, mengikut mana-mana berkenaan);
- (o) pembekal-pembekal perkhidmatan luar (termasuklah tetapi tidak terhad kepada pusat-pusat penghantaran, syarikat-syarikat telekomunikasi, telepemasaran dan ejen-ejen jualan langsung, pusat-pusat panggilan, syarikat-syarikat pemprosesan data dan syarikat-syarikat teknologi maklumat) yang diupah oleh Bank bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di perenggan 5 (i);
- (p) institusi-institusi kewangan lain, agensi rujukan kredit/ agensi pelaporan kredit yang didaftarkan dibawah Akta Agensi Pelaporan Kredit 2010 (seperti yang disenaraikan di laman web Bank di <https://www.hsbc.com.my/help/important-information/> <https://www.hsbcamanah.com.my/help/important-information/> atau biro kredit (termasuk yang ditubuhkan oleh Bank Negara Malaysia atau mana-mana subsidiarinya, atau oleh mana-mana pihak berkuasa), Persatuan Bank-bank Malaysia (ABM) atau Persatuan Institusi-institusi Perbankan Islam Malaysia (AIBIM) yang mana berkenaan; mana-mana pihak berkuasa termasuk Bank Negara Malaysia, pusat simpanan atau ejen simpanan berkaitan dengan industri sekuriti, polis, mana-mana badan kerajaan atau pihak berkuasa kawal selia yang lain, Cagamas Berhad dan/atau Syarikat Jaminan Kredit Berhad, mana-mana jabatan insolvensi bagi tujuan dan jika ingkar, dibawa ke agensi-agensi pengutipan hutang;
- (q) mana-mana penjamin atau pembekal sekuriti masa kini atau prospektif bagi kemudahan-kemudahan tersebut;
- (r) mana-mana orang yang Bank percaya dengan suci hati yang akan membuat bayaran bagi pihak pelanggan; dan/atau
- (s) mana-mana Orang yang Berhubungkait (untuk pelanggan perbankan peribadi, seperti yang didefinisikan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Universal yang boleh didapati di <https://www.hsbc.com.my/terms-and-conditions/untuk-pelanggan-korporat,seperti-yang-didefinisikan-dalam-Terma-terma-dan-Syarat-syarat-Perbankan-yang-boleh-didapati> di <https://www.business.hsbc.com.my/en-gb/regulations/banking-terms-and-conditions>);

Sama ada ianya diproses di Malaysia atau di luar negara, selaras dengan undang-undang perlindungan data, maklumat pelanggan akan dilindungi oleh satu kod kerahsiaan yang ketat dan keselamatan yang mungkin melibatkan penggunaan enkripsi atau penyulitan. Kami memerlukan kakitangan kami dan semua pihak ketiga yang menjalankan sebarang kerja bagi pihak kami untuk mematuhi piawaian pematuhan yang sesuai termasuk menjalankan kewajipan untuk melindungi sebarang maklumat dan mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk penggunaan dan pemindahan maklumat. Anda memahami bahawa Bank atau mana-mana penerima berkewajipan untuk mendedahkan maklumat pelanggan sekiranya dipaksa oleh undang-undang untuk berbuat demikian oleh mana-mana perundangan.

Kami akan mengambil semua langkah yang boleh dipraktikkan untuk memastikan bahawa maklumat anda tidak akan disimpan lebih lama daripada yang diperlukan dan selaras dengan dasar pengekalan data kami. Kami mungkin perlu menyimpan maklumat anda lebih lama di mana kami memerlukan maklumat untuk mematuhi keperluan kawal selia atau undang-undang, membantu mengesan atau mencegah penipuan dan jenayah kewangan, menjawab permintaan daripada pengawal setia dll. Jika kami tidak lagi perlu menyimpan maklumat anda, kami akan memusnahkan, padam atau awanamakannya lebih awal.

- 7. Berkenaan dengan perenggan 6(p) di atas, jika terdapat sebarang keingkaran dalam pembayaran di mana jumlah yang diingkar tidak dibayar sepenuhnya pada atau sebelum tarikh luput, individu tersebut atau pelanggan bertanggungjawab untuk membolehkan data akaunnya dikongsi bersama, didedahkan kepada dan/atau disimpan oleh agensi pelapor kredit berdaftar. Sebarang maklumat kredit yang pihak Bank didedahkan kepada Bank Negara Malaysia boleh selanjutnya didedahkan kepada mana-mana orang lain yang Bank Negara Malaysia fikirkan patut dan perlu diberikan akses kepada maklumat kredit anda untuk menganalisa taraf kredit, mengeluarkan laporan kredit atau menjalankan perkhidmatan analisa kredit, mengendalikan pengesahan akaun secara elektronik (*electronic Know-Your-Customer/ eKYC*), memberikan perkhidmatan nasihat kewangan atau apa-apa keperluan lain yang difikirkan patut oleh Bank Negara Malaysia.
- 8. Jika pelanggan mempunyai akaun bersama, Bank juga boleh mendedahkan kepada mana-mana pemegang akaun bersama, maklumat pelanggan yang diberikan kepada Bank berkenaan akaun tersebut.
- 9. Jika pelanggan adalah sebuah syarikat, perkongsian liabiliti terhad, perkongsian konvensional, persatuan atau pertubuhan, Bank diberikuasa untuk memberikan atas budi bicara mutlaknyanya, apa-apa maklumat pelanggan berkenaan atau berkaitan dengan akaun pelanggan atau apa-apa perkhidmatan yang diberikan kepada Pelanggan sedemikian, kepada ,mana-mana Orang yang Berhubungkait (untuk pelanggan perbankan peribadi, seperti yang didefinisikan dalam Terma-terma dan Syarat-syarat Universal yang boleh didapati di <https://www.hsbc.com.my/terms-and-conditions/untuk-pelanggan-korporat,seperti-yang-didefinisikan-dalam-Terma-terma-dan-Syarat-syarat-Perbankan-yang-boleh-didapati> di <https://www.business.hsbc.com.my/en-gb/regulations/banking-terms-and-conditions>), kepada mana-mana satu atau lebih pengarah, rakan kongsi, pemegang jawatan, atau mana-mana orang lain yang mana Bank berpuas hati sebagai anggota badan pengelola pelanggan yang mana berkenaan tidak kira sama ada orang-orang tersebut merupakan penandatanganan yang diberikuasa dan jika ya, tidak kira sama ada kuasa mereka untuk menandatangani di bawah akaun pelanggan atau mana-mana perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan.

## NOTIS BERKENAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

10. Bank boleh mengguna, menganalisis dan menilai maklumat pelanggan yang dipegang mengenai pelanggan dan akaun pelanggan, termasuk jenis transaksi pelanggan dan/atau rakanniaganya, untuk memberikan kepada pelanggan dan/atau rakanniaganya, maklumat tentang produk dan perkhidmatan daripada ahli Kumpulan HSBC dan juga pihak-pihak ketiga yang terpilih yang Bank anggap boleh menarik minat pelanggan dan/atau rakanniaganya melalui telefon, telefon mudah alih, media elektronik, pos atau cara lain. Bank boleh memberikan maklumat ini kepada ahli-ahli lain di dalam Kumpulan HSBC supaya mereka dapat melakukan yang sama melainkan pelanggan telah membantah kepada pendedahan sedemikian untuk tujuan penjualan silang kepada pelanggan dan/atau rakanniaganya.
11. Di bawah dan selaras dengan peruntukan-peruntukan PDPA dan Kod Amalan yang diluluskan dan dikeluarkan di bawah PDPA, mana-mana individu boleh:-
  - (a) memeriksa sama ada Bank memegang datanya dan mempunyai akses kepada data tersebut;
  - (b) meminta Bank untuk membetulkan apa-apa data yang berkaitan dengannya yang tidak tepat;
  - (c) meminta penjelasan berkenaan polisi-polisi dan amalan-amalan Bank berkenaan data dan untuk dimaklumkan berkenaan jenis data peribadi yang dipegang oleh Bank;
  - (d) berkenaan dengan kemudahan-kemudahan, meminta untuk dimaklumkan perkara data yang manakah yang biasanya didedahkan kepada agensi pelapor kredit berdaftar atau agensi kutipan hutang; dan
12. Menurut terma-terma PDPA, Bank berhak untuk mengenakan bayaran bagi permintaan untuk pemprosesan apa-apa akses data.
13. Individu boleh meminta akses kepada data, pembedahan data dan jenis data yang disimpan oleh Bank. Permintaan boleh dibuat secara sendiri di mana-mana cawangan Bank. Anda akan diminta untuk melengkapkan borang akses/ pembedahan dan satu fi sepertimana diperuntukkan dalam PDPA akan dikenakan.
14. Penggunaan berterusan akaun-akaun perbankan anda, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau kemudahan kemudahan dianggap kebenaran kepada Bank untuk mengumpul, memproses dan menyimpan data selaras dengan di atas. Anda boleh melawat mana-mana cawangan Bank untuk menarik balik kebenaran anda pada bila-bila masa namun sila ambil perhatian bahawa kegagalan untuk bersetuju kepada di atas boleh menyebabkan Bank tidak berupaya untuk membuka, menubuhkan, meneruskan atau menyediakan akaun- akaun perbankan, perkhidmatan-perkhidmatan atau kemudahan-kemudahan kepada anda. Pemprosesan data anda oleh Bank akan sentiasa tertakluk kepada mana-mana undang-undang terpakai (termasuk peraturan-peraturan, tatacara, kod tata amalan industri, obligasi dan/atau arahan dari mana-mana garis panduan yang dikeluarkan oleh mana-mana pihak berkuasa kawal selia).

Jikalau anda tidak mahu kami mendedahkan data anda kepada mana-mana Ahli Kumpulan HSBC atau pihak ketiga untuk tujuan jualan silang dan/atau jikalau anda tidak mahu dihubungi oleh kami atau mana-mana pihak ketiga untuk jualan atau promosi mana-mana produk atau perkhidmatan, (jikalau anda adalah pengarah atau Orang Mempunyai Hubungan untuk pelanggan korporat kami) anda boleh menghubungi pengurus perhubungan anda dan (jikalau anda adalah pelanggan perbankan peribadi kami) anda boleh menghantar mesej selamat melalui fungsi 'Chat' terdapat di Perbankan Internet HSBC/HSBC Amanah (<https://www.hsbc.com.my/contact/> / <https://www.hsbcamanah.com.my/contact/>) dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih untuk memadamkan nama dari senarai mel pemasaran langsung atau klik "unsubscribe" di penghujung e-mel yang diterima. Permintaan anda untuk dikeluarkan dari senarai pemasaran langsung kami mungkin akan mengambil masa sehingga 7 hari untuk berkuatkuasa. Sila maklum bahawa untuk memastikan anda terus menerima mesej penting, pihak Bank akan tetap menghantar notis terpilih walaupun anda telah dikeluarkan dari senarai. Untuk memulih semula pilihan ke dalam senarai mel pemasaran kami adalah mudah, anda hanya perlu menghantar mesej selamat melalui fungsi 'Chat' di Perbankan Internet HSBC/HSBC Amanah dan Aplikasi Perbankan Mudah Alih atau hubungi pusat panggilan kami.

15. Jika anda mempunyai apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan Notis Privasi ini atau sebaliknya berkenaan dengan penyalahgunaan atau mengesyaki penyalahgunaan maklumat-maklumat peribadi anda, jikalau anda adalah pelanggan perbankan peribadi, anda boleh menghantar mesej melalui fungsi 'Chat' di laman web kami di [www.hsbc.com.my](http://www.hsbc.com.my) atau [www.hsbcamanah.com.my](http://www.hsbcamanah.com.my). Jikalau anda adalah pengarah atau Orang Mempunyai Hubungan untuk pelanggan korporat kami, sila menghubungi pengurus perhubungan anda.
16. Bank merizabkan hak untuk meminda Notis Privasi ini pada bila-bila masa dan akan meletakkan notis pindaan tersebut di laman web Bank atau cawangan-cawangan Bank atau melalui apa-apa cara lain yang Bank anggap sesuai.
17. Tiada apa-apa dalam Notis Privasi ini akan menghadkan hak-hak pelanggan atau Bank di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi 2010.
18. **Jika anda membaca Notis Privasi ini sebagai seorang rakan kongsi atau bagi pihak badan korporat atau syarikat perniagaan yang merupakan pelanggan Bank, pemberian Notis Privasi ini yang dialamatkan kepada perkongsian atau badan perseorangan yang tidak diperbadankan adalah dianggap sebagai notis yang diberikan kepada semua rakan kongsi atau pemegang jawatan (mengikut mana berkenaan) pelanggan tersebut yang mana data dikumpul dan/atau diproses oleh Bank bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan di sini. Dalam hal ini, pelanggan menjamin bahawa**

## NOTIS BERKENAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

pelanggan telah mendapat persetujuan semua individu tersebut tentang penyediaan data mereka kepada Bank untuk tujuan-tujuan yang disebutkan sebelum ini dan untuk mendedahkan kepada pihak-pihak tersebut sebagaimana yang dinyatakan di atas dan pelanggan mengakujaji untuk memberikan salinan Notis Privasi ini kepada semua individu tersebut, di mana ungkapan hendaklah termasuk semua rakan kongsi atau pemegang jawatan yang sedia ada (mengikut mana yang berkenaan) pelanggan dari semasa ke semasa.

19. Selain daripada pelanggan, Notis Privasi ini hendaklah juga terpakai (sebagaimana yang dikehendaki konteks) berkenaan dengan penggunaan, pemprosesan dan pendedahan data mana-mana individu lain yang bukan pelanggan tetapi yang mana data diperlukan untuk dikumpulkan oleh Bank atas sebab, atau sampingan kepada penyediaan apa-apa akaun perbankan, perkhidmatan-perkhidmatan dan/atau kemudahan-kemudahan oleh Bank kepada pelanggannya, sama ada pelanggan tersebut merupakan individu yang lain atau sebuah syarikat, entiti perniagaan atau organisasi. Dalam hal ini, pelanggan mengesahkan dan menjamin bahawa pelanggan (a) telah mendapatkan persetujuan individu-individu tersebut untuk penyediaan data tersebut kepada Bank bagi tujuan-tujuan yang dinyatakan sebelum ini serta untuk pendedahan kepada pihak-pihak tersebut sepertimana yang dinyatakan di atas; dan (b) telah memaklumkan individu-individu tersebut bahawa Bank tidak memerlukan persetujuan daripada individu-individu tersebut;
20. Apabila anda mengguna Aplikasi Perbankan HSBC Malaysia ("Aplikasi tersebut"), kami juga akan memproses data anda menurut Notis Privasi ini. Kami juga mungkin akan mengguna maklumat tersebut, bersama dengan maklumat mengenai lokasi (negara atau wilayah, bukan lokasi tepat anda) dan maklumat mengenai penggunaan Aplikasi anda (contoh: berapa lama anda membelanjakan masa untuk halaman-halaman tertentu), bagi tujuan-tujuan berikut. Asas undang-undang bagi penggunaan ini adalah kerana kami mempunyai kepentingan perniagaan yang sah untuk menambahbaik produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan kami untuk memenuhi keperluan pelanggan-pelanggan dan untuk membekalkan produk-produk dan perkhidmatan-perkhidmatan yang kami berpendapat adalah relevan kepada mereka:
- (a) Menyesuaikan kandungan dan perkhidmatan-perkhidmatan yang ditawarkan kepada anda melalui Aplikasi tersebut;
  - (b) Memahami bagaimana pelanggan-pelanggan kami menggunakan akaun-akaun mereka;
  - (c) Memantau trend dalam penawaran-penawaran produk;
  - (d) Memajukan cadangan-cadangan dan produk-produk dan menasaskan mereka dengan sewajarnya;
  - (e) Mengenalpasti produk-produk dan tawaran-tawaran yang mungkin menarik minat anda;
  - (f) Menjadikan perkhidmatan-perkhidmatan Aplikasi lebih baik untuk anda.

Aplikasi tersebut boleh menyimpan kesemua maklumat di atas dengan selamat dalam peranti anda dan mengakses aplikasi tersebut apabila perlu.

Kami juga menyenaraikan di bawah dalam bentuk jadual apakah maklumat yang HSBC kumpulkan daripada peranti anda, bagaimana kami memprosesnya. Dalam kebanyakan kes, kami akan meminta kebenaran anda terdahulu.

Apakah Data/Kebenaran yang kami minta	Untuk apa ia digunakan	Bagaimana ia dikongsi
Kamera	Ini membenarkan Aplikasi tersebut untuk mengimbas suatu kod QR untuk membuat bayaran atau pindahan melalui DuitNow QR.	Ini tidak dikongsi. Kebenaran kamera adalah diperlu untuk membaca kandungan suatu Kod QR.
Kontak	Ini membenarkan Aplikasi tersebut untuk mengakses kontak-kontak anda untuk mendapatkan nombor telefon untuk membuat suatu pemindahan melalui DuitNOW Pay-to-Proxy.	Ini tidak dikongsi. Kebenaran kontak membenarkan pelanggan untuk mendapatkan nombor telefon daripada kontak dan bukannya menaipkannya secara manual.
Biometrik	Ini membenarkan anda untuk log masuk dengan cap jari atau pengecaman muka. Kami tidak boleh akses maklumat biometric anda.	Kami tidak menyimpan atau memegang sebarang maklumat biometrik dalam Aplikasi tersebut. Kami menggunakan data biometrik yang disimpan dalam peranti pelanggan bagi tujuan-tujuan pengesahan.
Lokasi	Apabila anda menggunakan Aplikasi tersebut lokasi anda boleh membantu kami untuk mengesan dan mencegah penipuan.	Pada masa kini, ini tidak digunakan secara aktif. Sekiranya terdapat sebarang siasatan penipuan/scam yang memerlukan data lokasi pelanggan apabila berlakunya penipuan/scam, maklumat ini akan didapati semula.

## NOTIS BERKENAAN AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010 ("PDPA")

Perpustakaan Foto	Jika anda membenarkan kami akses kepada Perpustakaan Foto anda, Aplikasi tersebut boleh membantu anda untuk membuat suatu pemindahan melalui kod QR yang disimpan dalam perpustakaan foto dan untuk menyimpan kod QR anda sendiri di dalam perpustakaan foto anda.	Ini tidak dikongsi. Kebenaran perpustakaan foto diperlukan untuk membaca kandungan suatu kod QR yang telah disimpan dan untuk menyimpan imej kod QR ke dalam perpustakaan foto peranti pelanggan.
Push Mesej	Menerima notifikasi-notifikasi mesej-mesej daripada HSBC dan amaran-amaran mengenai aktiviti akaun anda.	Ini tidak dikongsi. Kebenaran push notifikasi membenarkan Aplikasi tersebut untuk memberitahu pelanggan mengenai aktiviti-aktiviti akaun anda apabila Aplikasi tersebut telah dipasang dan disetkan.
Senarai Aplikasi Yang Dipasang	Kami mengumpul maklumat mengenai aplikasi-aplikasi yang dipasang dalam peranti anda untuk menyemak sama ada anda mungkin mempunyai aplikasi-aplikasi yang berisiko di dalamnya. Ini akan membantu kami untuk melindungi anda dan kami dari segi jenayah kewangan.	Ini tidak dikongsi. Kami menggunakan maklumat tersebut untuk menyemak sama ada ia terdapat sebarang aplikasi mencurigakan dalam peranti pelanggan apabila menggunakan Aplikasi tersebut.
Penyimpanan Luaran (contoh: kad ingatan)	Ini membenarkan Aplikasi tersebut untuk menyimpan foto-foto/fail-fail ke dalam penyimpanan luaran bagi peranti anda.	Ini tidak dikongsi. Kebenaran perpustakaan foto adalah diperlukan untuk membaca kandungan suatu kod QR yang telah disimpan dan untuk menyimpan imej kod QR ke dalam perpustakaan foto peranti pelanggan.
Maklumat Peranti dan Akses Internet	Ini membenarkan kami untuk menggunakan sambungan internet anda untuk mengakses sistem perbankan kami dan menyemak ana mempunyai sambungan yang berfungsi.	Ini tidak dikongsi. Maklumat peranti dan akses internet membenarkan Aplikasi tersebut disambungkan apabila mengguna Aplikasi tersebut.